



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN INSTRUMEN SARINGAN KEMAHIRAN VOKASIONAL
MURID BERKEPERLUAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN
BAGI PERSEDIAAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA**

KAMA BIN SHAFEEI



05-4506832



pustaka

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN KHAS)**



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membina Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV) Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi persediaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Pembinaan instrumen ISKV berpandukan Model Pembinaan Instrumen McIntire dan Miller (2007) melalui tiga Fasa iaitu Fasa Satu (Analisa), Fasa Dua (Pembinaan Instrumen) dan Fasa Tiga (Pelaksanaan Kajian). Kajian melibatkan seramai 216 orang guru di 72 Program Pendidikan Khas Integrasi di negeri Selangor. Instrumen kajian terdiri daripada 182 konstruk iaitu tiga konstruk Demografi, 81 konstruk Kemahiran Bahasa dan 98 konstruk Kemahiran Vokasional setelah melalui proses pengguguran 21 item bagi konstruk Kemahiran Bahasa dan sebanyak 16 item ditambah bagi konstruk Kemahiran Vokasional untuk pelaksanaan proses saringan ISKV terhadap MBKMP. Dapatan kajian ini telah mengenal pasti dua konstruk utama dalam ISKV iaitu Kemahiran Bahasa dan Kemahiran Vokasional bagi saringan MBKMP. Kesahan instrumen ditentukan dengan kesahan muka, kesahan kandungan dan, kesahan konstruk (analisis faktor penerokaan). Sembilan pakar dalam bidang pendidikan khas terlibat dalam mengesahkan kandungan setiap konstruk yang terdapat dalam instrumen. Kesahan konstruk pula ditentukan menggunakan kaedah analisis faktor. Nilai *Exploratory Factor Analysis* (EFA) menunjukkan *loading factor* bacaan *Average variance extracted* (AVE) konstruk antara 0.6 hingga 0.9 dan boleh diterima. Nilai *Average variance extracted* (AVE) analisis faktor bagi konstruk Kemahiran Bahasa ialah 0.81, konstruk Kemahiran Vokasional bagi Komponen Masakan ialah 0.75, konstruk Kemahiran Vokasional bagi Komponen Jahitan ialah 0.86 dan konstruk Kemahiran Vokasional bagi Komponen Pertanian ialah 0.86. Manakala, Nilai *Average variance extracted* (AVE) analisis faktor keseluruhan item ISKV ialah 0.81. Hasil kajian menunjukkan kesahan yang tinggi bagi keseluruhan ISKV iaitu nilai Alpha Cronbach 0.88 dan nilai Alpha Cronbach kebolehpercayaan keseluruhan ISKV tinggi iaitu 0.97. Implikasi kajian adalah instrumen yang dibangunkan dapat membuat saringan yang sistematik, penyediaan ke kursus Sijil Kemahiran Malaysia di PPKI dan menyusun kurikulum kemahiran untuk menentukan tahap kandungan aktiviti yang lebih khusus dengan keupayaan MBKMP dalam penguasaan subjek Kemahiran Vokasional Spesifik di PPKI.





DEVELOPMENT OF VOCATIONAL SKILLS FILTERING INSTRUMENT FOR SPECIAL NEEDS STUDENTS WITH LEARNING DISABILITIES IN PREPARATION FOR MALAYSIA SKILLS CERTIFICATE

ABSTRACT

This study is aimed to develop a Vocational Skills Filtering Instrument (VSFI) of Special Needs Pupils with Learning Disabilities (SNPLD) in the Special Education Integration Program (SEIP) for the preparation of Malaysian Skills Certificate (MSC). Construction of VSFI instruments based on the McIntire and Miller Instrument Construction Model (2007) through three Phases, Phase One (Analysis), Phase Two (Instrumentation Construction) and Phase Three (Implementation of Study). The study involved 216 teachers in 72 Integrated Special Education Programs in Selangor. The research instrument consists of 182 constructs namely three Demographic constructs, 81 Language Proficiency constructs and 98 constructs of Vocational Skills after passing abortion 21 items for Language Skills constructs and 16 items added for Vocational Skills construct for the implementation of the ISKV screening process against SNPLD. The findings have identified two major constructs in VSFI namely Language Proficiency and Vocational Skills for SNPLD screening. The validity of the instrument is determined by the validity of the face, the validity of the content and the validity of the constructs (exploratory factor analysis). Nine specialists in the field of special education are involved in confirming the contents of each construct contained in the instrument. The construct validity was determined using the factor analysis method. Exploratory Factor Analysis (EFA) value shows the load factor reading *Average variance extracted (AVE)* construct between 0.6 to 0.9 and acceptable. *Average variance extracted (AVE)* factor analysis for Language Skills construct is 0.81, Construct Vocational Skills for Cooking Components is 0.75, Construct Vocational Skills for Stitch Components is 0.86 and Construct Vocational Skills for Agriculture Components is 0.86. Meanwhile, the value of *Average variance extracted (AVE)* VSFI item's overall factor analysis is 0.81. The results showed high reliability for the whole VSFI Alpha Cronbach 0.88 and Alpha Cronbach's high reliability of VSFI of 0.97. The implication of the study is that the instrument developed can create a systematic screening, preparation to the Malaysia Skills Certificate course at PPKI and to develop a skills curriculum to determine the specific level of activity content with SNPLD's ability to master the Specific Vocational Skills subject in SEIP.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	19
1.2 Latar Belakang Kajian	22
1.3 Penyataan Masalah	27
1.4 Tujuan Kajian	33
1.5 Objektif Kajian	33
1.6 Soalan Kajian	34
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	35
1.8 Kepentingan Kajian	37
1.9 Definisi Operasional	39

1.9.1	Pembangunan	39
1.9.2	Kemahiran Vokasional	40
1.9.3	Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran (MBKMP)	41
1.9.4	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	42
1.10	Rumusan	43

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	45
2.2	Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia	46
2.3	Keperluan Pendidikan Vokasional Bagi Murid Berkeperluan Khas	49
2.4	Halatuju Murid Berkeperluan Khas Ke Alam Pekerjaan	52
2.5	Teori Pembelajaran Pengalaman	57
2.5.1	Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984)	58
2.6	Model Pendidikan Vokasional	
2.6.1	Model Vokasional Polloway, Patton dan Serna (2001)	59
2.7	Teori-teori Pentaksiran dan Pengujian Instrumen	61
2.7.1	Teori Pengujian Klasik (TPK)	61
2.7.2	Analisis dan Pemilihan Item Dalam PTK	64
2.7.3	Analisis Faktor	66
2.7.4	Model Pembinaan Ujian McIntire Dan Miller (2007).	69
2.8	Model Program Kelas Bermasalah Pembelajaran	73

2.9 Kurikulum Kemahiran Hidup Dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	80
2.9.1 Kurikulum Kemahiran Hidup	81
2.9.2 Penggunaan Modul Kemahiran Vokasional	82
2.9.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	90
2.10 Kemahiran Vokasional Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran	91
2.10.1 Kemahiran Vokasional Masakan	91
2.10.2 Kemahiran Vokasional Jahitan	91
2.10.3 Kemahiran Vokasional Pertanian	92
2.10.4 Kemahiran Vokasional Penghasilan Projek	92
2.11 Kepentingan Kemahiran Vokasional Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) Ke arah Persediaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)	93
2.12 Keperluan Kursus Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran	93
2.13 Rumusan	124

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	126
3.2 Reka Bentuk Kajian	127
3.3 Prosedur Pembinaan Instrumen	129
3.3.1 Asas Penentuan Kesahan dan Kebolehpercayaan	131
3.3.2 Andaian Statistik Pengujian Analisis Multivariat	137
3.3.3 Kesahan	141
3.3.4 Kebolehpercayaan	147
3.4 Langkah-langkah dalam Pembinaan Instrumen Kajian	152
3.4.1 Fasa 1: Analisa Soal Selidik item ISKV	154

3.4.2 Fasa 2: Pembinaan ISKV dan Pengesahan Pakar	154
3.4.3 Fasa 3: Pelaksanaan Kajian	155
3.5 Sampel Kajian	158
3.6 Analisis Data	159
3.7 Lokasi Kajian	160
3.8 Instrumen Kajian	160
3.8.1 Instrumen Penilaian Item bagi ISKV	161
3.8.2 Item dalam ISKV	162
3.9 Prosedur Kajian	164
3.10 Batasan Kajian	165
3.11 Kajian Rintis	166
3.12 Rumusan	172

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	173
4.2 Dapatan Persoalan Kajian 1: Kaedah Membangunkan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	174
4.2.1 Analisis Keperluan ISKV Hasil Soal Selidik Guru Mengajar Subjek KV	175
4.2.2 Analisis Elemen Komponen KV di PPKI	176
4.2.3 Soal Selidik Guru PPKI Berkaitan Pelaksanaan Komponen KV di PPKI	177
4.2.4 Jadual Spesifikasi Instrumen (JSI)	179
4.3 Dapatan Persoalan Kajian 2: Mengukur Kesahan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	189
4.3.1 Pengesahan Pakar bagi Item ISKV mengikut	

Komponen Kemahiran Vokasional (KV)	189
4.3.2 Analisis Faktor Item ISKV	195
4.4 Dapatan Persoalan Kajian 3: Mengukur Kebolehpercayaan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	202
4.5 Dapatan Persoalan Kajian 4: Mengenalpasti Komponen Utama yang terdapat dalam Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	204
4.6 Dapatan Persoalan Kajian 5: Menilai Tahap Penguasaan Kemahiran Vokasional (MBKMP)	205
4.7 Rumusan	206

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	207
5.2 Ringkasan Kajian	209
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	217
5.3.1 Perbincangan Dapatan Kajian Membangunkan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	217
5.3.2 Perbincangan Dapatan Kajian Mengukur Kesahan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	219
5.3.3 Perbincangan Dapatan Kajian Mengukur Kebolehpercayaan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	222
5.3.4 Perbincangan Dapatan Kajian Mengenalpasti Komponen Utama dalam Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	223
5.3.5 Perbincangan Dapatan Kajian menilai Tahap Penguasaan Kemahiran Vokasional Murid Berkeperluan Khas (MBKMP)	224
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	227
5.5 Implikasi Dapatan Kajian	228



5.5.1 Penggunaan Model Pengajaran Kemahiran Vokasional Berasaskan Sekolah di PPKI dalam Pengajaran Kemahiran Vokasional MBKMP	228
5.5.2 Implikasi Terhadap Teori Pengajaran Pendidikan Khas	234
5.5.3 Sumbangan Dalam Keilmuan Pendidikan Khas	235
5.5.4 Implikasi Kajian terhadap Kurikulum Pendidikan Khas	236
5.5.5 Bahagian Pendidikan Khas , KPM	237
5.5.6 Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM	238
5.5.7 Latihan Bidang perguruan Pendidikan Khas	239
5.6 Cadangan Kajian Lanjutan	240
5.7 Rumusan	241
RUJUKAN	243
LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Enrolmen Peringkat Menengah di Program Pendidikan Khas Integrasi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2016	31
2.1	Kumpulan Murid Bermasalah Pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Negeri Selangor	83
2.2	Contoh Aktiviti Dalam Kurikulum Kemahiran Hidup dan Latihan Vokasional Peringkat Menengah	95
2.3	Model Pengajaran Kemahiran Hidup : Contoh Tugas Merentasi Domain di Peringkat Menengah	97
2.4	Senarai Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV)	114
2.5	Subjek KSSM Pendidikan Khas Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di PPKI	120
2.6	Subjek KSSM Pendidikan Khas Tingkatan Dua Bagi Mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) di PPKI	123
3.1	Pembinaan Instrumen Kajian ubahsuai daripada McIntire & Miller (2007)	153
3.2	Penglibatan Guru Dalam Pendidikan Vokasional di Selangor	159
3.3	Pemberian Skor Bagi Setiap Penilaian Item	161
3.4	Item Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional	162
3.5	Demografi Kajian Rintis MBKMP	168
3.6	Dapatan Tahap Penguasaan MBKMP Dalam KV Di Kajian Rintis	169
3.7	Tahap Kebolehpercayaan Item dalam Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	170



3.8	Penambahan dan Pengguguran Item ISKV Berdasarkan Kajian Rintis Kemahiran Vokasional (ISKV)	171
4.1	Jumlah Guru dan MBKMP yang Melaksanakan Subjek KV di PPKI Negeri Selangor	175
4.2	Jumlah Guru Melaksanakan Subjek KV di PPKI SMK Negeri Selangor	176
4.3	Analisis Item Keperluan Komponen KV di PPKI	177
4.4	Analisis Keperluan Pelaksanaan Komponen KV di PPKI	178
4.5	Jadual Spesifikasi Instrumen	179
4.6	Klasifikasi Item Berdasarkan ISKV	180
	4.6.1 Klasifikasi Demografi ISKV	180
	4.6.2 Klasifikasi Item Kemahiran Bahasa ISKV	181
	4.6.3 Klasifikasi Item KV Komponen Masakan ISKV	184
	4.6.4 Klasifikasi Item KV Komponen Jahitan ISKV	185
	4.6.5 Klasifikasi Item KV Komponen Pertanian ISKV	187
	4.6.6 Klasifikasi Item Keseluruhan ISKV	188
4.7	Senarai Pengesahan Pakar Bagi ISKV	190
4.8	Keseluruhan Kesahan ISKV	191
4.8.1	Analisis Item Kebolehpercayaan Pakar Komponen Masakan	191
4.8.2	Analisis Item Kebolehpercayaan Pakar Komponen Jahitan	192
4.8.3	Analisis Item Kebolehpercayaan Pakar Komponen Pertanian	193
4.9	Nilai Kesahan Komponen KV Dalam ISKV	194
4.10	Data Kajian Penglibatan MBKMP Dalam Subjek KV di PPKI Selangor	195
4.11	Kesahan Konstruk Item Melalui Analisis Faktor	197
	4.11.1 Nilai <i>Factor Loading</i> Item Profil (Demografi) ISKV	197
	4.11.2 Nilai <i>Factor Loading</i> Item Kemahiran Bahasa ISKV	198
	4.11.3 Nilai <i>Factor Loading</i> Item Kemahiran Vokasional (Masakan) ISKV	199





4.11.4	Nilai <i>Factor Loading</i> Item Kemahiran Vokasional (Jahitan) ISKV	200
4.11.5	Nilai <i>Factor Loading</i> Item Kemahiran Vokasional (Pertanian) ISKV	201
4.12	Nilai Keseluruhan Kebolehpercayaan Item ISKV Oleh Guru Subjek KV	203
4.13	Nilai Kebolehpercayaan item ISKV oleh Guru Subjek Kemahiran Vokasional	203
4.14	Pelaksanaan Komponen KV di PPKI	204
4.15	Nilai Penguasaan Komponen KV di MBKMP	205
4.16	Jumlah Keseluruhan Penguasaan Kemahiran Vokasional	206



SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	35
2.1	Teori Pembelajaran Pengalaman	57
2.2	Latihan Vokasional Berasaskan Sekolah	60
2.3	Model Konseptual Kurikulum PKBP	73
3.1	Carta Alir MBKMP Dalam Pelaksanaan Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)	156
3.2	Prosedur Kajian	164
5.1	Model Pengajaran Kemahiran Vokasional Berasaskan Sekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (MPKVBSPPKI)	233



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
IPG	Institut Pendidikan Guru
ISKV	Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kemahiran Vokasional
KVS	Kemahiran Vokasional Spesifik
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBKMP	Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran
MLVK	Majlis Latihan Vokasional Malaysia
3M	Membaca, Menulis dan Mengira
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PKBP	Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	Pembantu Pengurusan Murid
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SKPK	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



SMK

Sekolah Menengah Kebangsaan

SMPKV

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional

SKM

Sijil Kemahiran Malaysia

TEVT

Technical Education Vocational Training



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Kajian Penyelidikan
- B Instrumen Kajian: Instrumen Saringan Kemahiran Vokasional (ISKV)
- C Borang Pengesahan Rujukan Pakar
- D Jadual Sampel Kajian (Krecjie & Morgan)
- E Senarai Pembentangan Artikel/Prosiding/Jurnal semasa kajian dijalankan oleh Penyelidik
- F Analisis Data Statistik

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dasar Pendidikan Kebangsaan di Malaysia bertujuan melahirkan satu masyarakat yang bersatupadu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi membangunkan negara. Pelbagai strategi pelaksanaan dijalankan oleh pihak kerajaan termasuk memperluaskan pendidikan vokasional dan teknik melalui penyusunan semula kurikulum Sekolah Vokasional pada tahun 1978 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Perkembangan Pendidikan Vokasional bermula di negara ini sejak sebelum



Perang Dunia kedua lagi dengan tujuan untuk mendidik pelajar Melayu menjadi petani dan nelayan. Pada tahun 1968, beberapa buah sekolah vokasional telah ditubuhkan bagi menampung keperluan pelajar aliran vokasional. Pendidikan Vokasional ini menawarkan kursus selama dua tahun iaitu di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dalam jurusan Pertukangan, Pertanian, Sains Rumah Tangga dan Perdagangan. Tujuan pendidikan vokasional ini adalah untuk melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang vokasional di peringkat menengah atas. Pendidikan Vokasional terus berkembang sehingga sekarang dengan berbagai matlamat yang bertujuan memberi manfaat kepada negara melalui saluran pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

menyatakan bahawa Dasar Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) menekankan Pendidikan Vokasional dalam usaha membantu pelajar membuat persediaan kerjaya yang memerlukan kepakaran dalam bidang teknik tertentu. Kerjaya ini merangkumi kemahiran teknikal atau vokasional seperti ketukangan kayu sehinggalah kepada jawatan dalam bidang kejuruteraan dan pekerjaan lain. Berbeza dengan aliran teknik yang membantu pelajar membuat persediaan untuk pendidikan lanjutan, aliran vokasional lebih berorientasikan kerjaya. Murid Berkeperluan Khas (MBK) tidak terkecuali memberi sumbangan dalam bidang kemahiran mengikut kebolehpayaan mereka. Pendidikan berkualiti bagi Murid Berkeperluan Khusus dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menitikberatkan keupayaan dan kebolehan individu mengikut tahap masing-masing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).





Sehubungan dengan itu, setiap kanak-kanak berkeperluan khas di Malaysia perlu diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Pendidikan itu menitikberatkan aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, sosial, bakat, nilai-nilai moral, estetika dan sosial. Melalui kurikulum murid bermasalah pembelajaran, murid dibantu untuk menguasai kemahiran asas yang kukuh. Berdasarkan Kurikulum Pendidikan Khas (Jabatan Pendidikan Khas, 1999), selain mendapatkan pendidikan setinggi yang mungkin, kurikulum yang disediakan bertujuan menjadikan golongan ini ahli masyarakat yang berdikari atau menyara hidup mereka apabila dewasa kelak.

Matlamat Pendidikan Khas juga ingin melahirkan insan istimewa yang boleh berdikari dan mampu menjalani kehidupan bermakna seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya, satu program yang relevan telah dirancang dan dilaksanakan sebagai persediaan ke alam kerjaya di kalangan murid bermasalah pembelajaran di peringkat menengah iaitu program Kemahiran Vokasional di dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup (Jabatan Pendidikan Khas, 2003).

Sehubungan dengan itu, Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 (Artikel 28) menyatakan bahawa OKU perlu diberi peluang pendidikan termasuklah latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, latihan vokasional di PPKI amat perlu ditekankan dengan memberi peluang dan ruang kepada Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) mengikuti pembelajaran sesuai dengan tahap kebolehan mereka.

Pelbagai kemahiran vokasional diterapkan dalam Kurikulum Pendidikan Khas





bagi menyediakan individu berkemahiran dan berkerjaya. Komponen Kemahiran Hidup diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi murid bermasalah pembelajaran di PPKI. Antara kategori kemahiran vokasional dalam subjek Kemahiran Hidup yang diajar di PPKI ialah Komponen asas masakan, jahitan, pertanian, mendobi, pertukangan, perkhidmatan mencuci kereta, kraftangan dan perkhidmatan pemeliharaan haiwan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Latihan asas vokasional yang diberikan oleh guru di PPKI membantu MBKBP dalam mempersiapkan diri ke alam pekerjaan apabila mereka meninggalkan zaman persekolahan kelak.

Justeru itu, perlu satu instrumen saringan bagi menilai kesediaan MBKMP mengikuti kursus-kursus SKM apabila mereka mengikuti pembelajaran KSSM Pendidikan Khas Subjek Kemahiran Vokasional Spesifik semasa berada di tingkatan dua.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Vokasional merupakan satu keperluan utama Kurikulum Pendidikan Khas dalam memberi kemahiran asas bagi MBKMP mengaplikasi pembelajaran dan pengajaran dalam bilik darjah kepada aktiviti amali. Falsafah Pendidikan Khas seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah memberi penekanan kepada perkembangan optimum ke arah menjadikan individu yang berkemahiran, berketerampilan, berdikari, berhaluan, boleh merancang, mengurus kehidupan, boleh menyedari potensi diri seterusnya menjadi seorang ahli masyarakat yang berguna





kepada negara. Justeru itu, kanak-kanak berkeperluan khas sewajarnya diberi peluang yang sama rata seperti kanak-kanak normal bagi mendapat kemahiran, nilai sikap dan amalan-amalan yang diperlukan.

Setiap murid diberi galakan dan bimbingan serta ilmu pengetahuan yang seluas-luasnya untuk mepertingkatkan kemahiran asas mereka. Peluang juga diberikan untuk membolehkan murid-murid istimewa mengembangkan bakat, minat serta daya kreativiti dalam bidang tertentu (Jabatan Pendidikan Khas, 2003). Walaubagaimanapun, kurikulum dan pembelajaran dalam bidang ini tidaklah seberat kurikulum Vokasional untuk murid normal. Pembelajaran Kemahiran Vokasional Pendidikan Khas ini adalah untuk murid kurang upaya bermasalah pembelajaran dan telah diubahsuai mengikut objektif dan matlamat Dasar Pendidikan Khas serta bersesuaian dengan keupayaan kognitif dan psikomotor murid tersebut.

Bidang Vokasional Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran merangkumi latihan dan kemahiran bagi membentuk perkembangan peribadi, sosial, hidup berkeluarga, penjagaan diri, pengurusan rumah tangga dan kemahiran. Kurikulum dan pembelajaran dalam bidang ini bertujuan untuk melatih murid supaya dapat membolehkan mereka berdikari. Di samping itu, penekanan pada vokasional dan kemahiran amali seharian juga dirancang untuk membantu mereka ke arah menjalankan aktiviti seharian dengan lebih berkeyakinan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Garis Panduan Pelaksanaan Program Rintis Kurikulum Mata Pelajaran Vokasional Khas, 2005).





Menurut Peraturan-peraturan Pendidikan Khas (2013), murid bermasalah pembelajaran tergolong dalam enam kategori yang didefinisikan sebagai Murid Berkeperluan Khas (MBK). Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran (MBKMP) boleh dikategorikan mengikut kebolehan fungsi kemahiran berikut iaitu (a) Kebolehan kognitif, (b) Kebolehan menggunakan bahasa dan pertuturan, (c) Penguasaan kemahiran matematik, (d) Penguasaan kemahiran membaca, (e) Pengurusan kemahiran berinteraksi yang sesuai, (f) Kemahiran mengikut umurnya, (g) Darjah kebolehan penglihatan, dan (h) Darjah keupayaan pendengaran.



Jika dilihat secara umum, murid yang menghadapi masalah pembelajaran mempunyai tingkah laku yang berlainan daripada murid normal. Terdapat ciri-ciri murid bermasalah pembelajaran iaitu; (a) Kelakuan yang terlampau aktif, (b) Tidak menunjukkan tindakbalas atau kaku (c) Tidak ada motivasi atau daya penggerak dalam diri, (d) Tidak ada koordinasi (penyelaras motor, mata dan tangan), (e) Terlampau berhati-hati dan teliti, (f) Tidak boleh menumpukan perhatian, (g) Gangguan dalam ingatan, (h) Terlampau menumpukan perhatian, (i) Gangguan dalam pendengaran dan penglihatan, (j) Tidak boleh bertindakbalas dengan alam sekeliling, dan (k) Lemah dalam menguasai 3M (Membaca, Mengira dan Menulis). Oleh itu, murid bermasalah pembelajaran mempunyai masalah dalam tingkah laku mereka, masalah neurologikal, fizikal, psikogikal dan masalah persekitaran. Justeru itu, guru,



ibu bapa dan masyarakat perlu membantu golongan ini supaya mereka dapat belajar dengan baik.

Menurut Saedah Siraj (1999), kurikulum yang dirancang tidak seharusnya ke arah pendidikan cemerlang semata-mata tetapi juga perlu mengambil kira murid-murid yang untung dan bermasalah. Justeru itu, bagi membantu murid ini mengembangkan potensi mereka sepenuhnya, ke arah yang lebih tepat, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah akademik. Ia dilaksanakan mulai tahun 2002. Sehubungan dengan itu, Modul Kemahiran Vokasional yang dibina bermula tahun 2011 dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2012 di semua PPKI sekolah menengah negeri Selangor (Jabatan Pelajaran Selangor, 2011) bagi membantu dan menghasilkan murid berkemahiran serta berdikari. Kajian ini memerlukan perhatian khusus untuk menyediakan guru yang berkualiti bagi melaksanakan kurikulum tersebut secara terancang.

Menurut kajian Zainuddin (2008), keperluan kurikulum kemahiran vokasional terhadap pelajar bermasalah pembelajaran amat penting bagi melahirkan individu yang berpotensi ke alam pekerjaan. Abd Ghafar Mahmud (2011) menyatakan Haluan Kerja Pendidikan dalam Agenda Merealisasikan Transformasi Negara adalah membentuk modal insan yang dapat menguasai ilmu dan kemahiran serta memiliki keperibadian insan yang mulia untuk memajukan ekonomi negara. Oleh itu, kemahiran asas dalam vokasional penting dilaksanakan terhadap murid bermasalah pembelajaran agar mereka boleh berdikari dan berupaya mengurus diri serta boleh menyumbang dalam pembangunan negara.



Objektif pelaksanaan Kemahiran Vokasional adalah untuk melahirkan murid bermasalah pembelajaran yang mampu hidup sendiri dan mengurus diri ke arah kehidupan bermakna. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Khas yang mahu murid Pendidikan Khas mempunyai kemahiran dan haluan kerjaya sesuai dengan tahap keupayaan diri masing-masing. Perspektif komponen kurikulum dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menyatakan bahawa fokus bukan sahaja kepada pembentukan individu berpengetahuan tetapi perlu tahu kesedaran terhadap penciptanya (Rohana Hamzah, 2010). Sehubungan dengan itu, murid bermasalah pembelajaran perlu juga diberi penekanan latihan secara *hand on* berterusan agar kemahiran dapat dicungkil daripada awal lagi seiring dengan perkembangan diri mereka semaksima mungkin.

Hasrat dalam mencapai matlamat Pendidikan Khas beberapa perkara asas perlu diutamakan dan diambil perhatian seperti fizikal bilik darjah yang bersesuaian, peralatan pembelajaran murid serta guru Pendidikan Khas terlatih yang mencukupi di PPKI. Sehubungan dengan itu, untuk menjadi guru yang berkualiti, guru perlu berusaha gigih dan tabah dalam menghadapi segala cabaran serta lebih matang menghadapi pelbagai masalah di masa hadapan (Mohammad Sani et al. 2006). Di samping itu, menurut Noraini et al. (2001) Guru Pendidikan Khas haruslah memberi peluang kepada individu berkeperluan khas berinteraksi dan membina sikap positif bila berinteraksi dalam komuniti serta memastikan mereka menerima peluang pekerjaan bagi jaminan hidup berkualiti.

